

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

SOALAN

YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa jumlah kawasan di SibU khususnya di luar bandar yang tiada perkhidmatan atau sukar mendapatkan signal telefon atau internet. Apakah Kementerian bercadang untuk menambah baik sistem perkhidmatan telefon dan internet di SibU khususnya di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa berusaha memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk membolehkan rakyat terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman termasuklah di Parlimen SibU menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar yang lebih menyeluruh. Sehingga suku pertama 2020, liputan perkhidmatan 3G dan 4G di kawasan berpenduduk di daerah SibU adalah masing-masing 97.53% dan 94.06%.

2. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap, sebanyak 21,554 pelanggan sedia ada di Sarawak akan dinaik taraf dari perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik oleh SKMM. Inisiatif yang akan dilaksanakan menerusi Telekom

Malaysia Berhad ini dijangka akan siap secara berperingkat menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.

3. Walau bagaimanapun, usaha bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bukan sahaja melibatkan kerajaan persekutuan malah memerlukan kerjasama pelbagai pihak, termasuk di peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk pemudahcaraan proses-proses perolehan dan kelulusan tapak yang terlibat.

4. Selanjutnya, SKMM akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri iaitu Sarawak Multimedia Authority (SMA) bagi menambahbaik liputan dan kualiti jalur lebar di Sarawak. Semasa sesi kunjung hormat saya kepada YAB Ketua Menteri Sarawak pada 10 Julai yang lalu, beberapa persetujuan penting telah dicapai antara lain adalah mengeratkan kerjasama bersama pihak SMA dari segi perancangan dan memudahcara proses kelulusan pembinaan untuk mempercepatkan pembinaan infrastruktur digital.

5. Pada masa yang sama, SKMM juga membuat perancangan dengan pihak industri untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara menggunakan pelbagai teknologi.